

# Tabung Haji tak terima pelawaan ambil alih QSR

**L**EMBAGA Tabung Haji tidak menerima sebarang pelawaan daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bagi menubuhkan konsortium untuk mengambil alih kepentingan milik Kulim (Malaysia) Bhd dalam QSR Brands Bhd (QSR), kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail.

Beliau berkata, pengurus dana Islam terbesar dunia itu juga tidak mengadakan sebarang pertemuan dengan DPMM berhubung perkara itu.

"Tabung Haji tidak menerima sebarang pelawaan daripada DPMM mengenai perkara itu (menubuhkan konsortium bersama DPMM untuk mengambil alih QSR).

"Buat masa ini, saya rasa kami masih belum boleh menimbangkan sebarang keputusan.

"DPMM pula belum lagi datang berjumpa Tabung Haji," katanya ringkas ketika ditemui di Cyberjaya semalam.

Pada 29 Disember lalu, Presiden DPMM, Syed Ali Alattas menyatakan dewan itu bersedia mengambil alih semua kepentingan Kulim dalam QSR yang didakwanya sebagai usaha untuk menyelamatkan syarikat berkenaan dan KFC Holdings

(M) Bhd (KFCH) daripada dijual kepada orang asing.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, DPMM akan menjemput FELDA dan Tabung Haji untuk bersama-sama dengan dewan itu bagi membuat pengambilalihan berkenaan.

Kulim memiliki 58.68 peratus kepentingan dalam QSR. QSR pula menguasai 50 peratus saham KFCH.

Sementara itu, ketika ditanya adakah Tabung Haji berminat jika DPMM mengemukakan pelawaan rasmi, Ismee berkata: "Apabila tiba masanya, kami akan menimbangkan perkara itu".

Rabu lalu, Kulim dalam pengumumannya kepada Bursa Malaysia berkata, dewan itu mengemukakan tawaran RM6.90 seunit bagi saham yang dimilikinya dalam QSR.

Katanya, tawaran itu 10 sen lebih tinggi berbanding tawaran yang dibuat Johor Corporation (JCorp) menerusi syarikat tujuan khas (SPV), Massive Equity Sdn Bhd (Massive Equity) pada RM6.80 seunit.

Massive Equity adalah SPV yang ditubuhkan di Malaysia dengan 51 peratus ekuitinya dimiliki JCorp, manakala baki 49 peratus lagi dimiliki firma ekuiti persendirian antara yang terbesar di dunia, CVC Capital Partners.